

## **BAB IV**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini memfokuskan kepada analisis data dari dua sumber iaitu (a) Soal selidik (b) gambar ransangan aktiviti lisan. Soal selidik diberikan kepada responden seramai 30 orang pelajar. Manakala bagi aktiviti lisan dijalankan keatas 12 orang pelajar telah dipilih secara rawak bagi mewakili pelajar yang lain.

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu (a) menganalisis data kuantitatif yang merangkumi beberapa aspek antaranya latar belakang responden, faktor motivasi pelajar, faktor dorongan guru dan maklumat tahap penggunaan strategi komunikasi (b) menganalisis data kualitatif yang diperoleh daripada aktiviti lisan terhadap penggunaan strategi komunikasi ketika pelajar berkomunikasi bahasa Arab. Aktiviti lisan ini adalah (i) menghuraikan gambar dan (ii) melakukan percakapan menurut gambar tersebut.

#### **4.2 ANALISIS DATA KUANTITATIF**

Dalam analisis data ini pengkaji menggunakan *Microsoft Office Excel 2007* bagi mendapatkan keputusan taburan kekerapan dan peratusan responden untuk mengukur tindak balas responden berdasarkan item-item kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi pelajar dan mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab dalam menjawab soalan-soalan kajian.

#### **4.2.1 Latar Belakang Responden**

Bahagian ini menunjukkan keputusan analisis maklumat latar belakang responden bagi memberi gambaran mengenai profil responden berdasarkan umur, tempat lahir, tingkat pembelajaran, pekerjaan ibubapa responden, dan sebab memilih aliran kursus bahasa Arab responden.

**Jadual 4.7 Latar Belakang Responden**

Bil	Latar belakang responden	Jawaban	Kekerapan	Peratus
1	Umur	(1). 12-14 tahun	7	23.3%
		(2). 15-16 tahun	18	60%
		(3). 17-18 tahun	5	16.6%
2	Tempat Lahir	(1). Bandar	12	40%
		(2). Kampung	18	60%
3	Pekerjaan Ibu Bapa	(1). Guru	6	20%
		(2). Petani	19	63.3%
		(3). Pedangan/Perniaga	5	16.6%
4	Tingkatan Belajar	(1). Ke-1	14	46.6%
		(2). Ke-2	13	43.3%
		(3). Ke-3	3	10%
		(4). Ke-4	-	-
5	Sebab memilih aliran bahasa Arab	(1). Minat sendiri	17	56.6%
		(2). Dorongan orang tua	10	33.3%
		(3). Paksaan orang	3	10%

Jadual 4.7 menunjukkan latar belakang responden mengikut umur mendapati bilangan pelajar yang berumur 12-14 tahun seramai 7 pelajar responden 23.3%. Bilangan pelajar yang berumur 15-16 tahun seramai 18 pelajar responden 60% dan pelajar yang berumur 17-18 tahun seramai 5 pelajar responden 16.6%. Dengan demikian , hasil analisis didapati umur terbesar yang ketara sebagai responden kajian ini ialah terdiri daripada pelajar-pelajar antara umur 15-16 tahun seramai 18 pelajar dengan peratusan 60%.

Dari segi tempat lahir, seramai 12 pelajar responden 40% berasal daripada Bandar dan seramai 18 pelajar 60% berasal daripada Desa/Kampung. Keputusan analisis

menunjukkan majoriti responden berasal daripada Desa/Kampung 60% seramai 18 pelajar.

Manakala dari segi tingkatan belajar pula, didapati seramai 14 pelajar responden 46.6% duduk dalam peringkat ke satu, seramai 13 pelajar responden 43.3% duduk dalam peringkat ke dua dan seramai 3 pelajar responden 10% duduk dalam peringkat ke tiga. Dapatan dalam analisis menunjukkan bahawa responden kajian ini lebih banyak berada pada peringkat ke satu iaitu seramai 14 pelajar responden 46.6% dalam pembelajaran bahasa Arab di LIPIA.

Manakala berdasarkan pekerjaan Ibu bapa responden. Terdapat seramai 6 pelajar responden 20% yang ibu bapanya bekerja sebagai Guru, seramai 19 pelajar responden 63.3% bekerja sebagai Petani dan seramai 5 pelajar responden 16.6% bekerja sebagai Perniaga. Kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa responden lebih banyak bekerja sebagai petani berbanding dengan bekerja sebagai guru dan perniaga iaitu seramai 19 pelajar 63.3%.

Berdasarkan responden memilih kursus bahasa Arab didapati seramai 17 pelajar responden 56.6% dimana kursus bahasa Arab dipilih kerana minat sendiri, seramai 10 pelajar responden 33.3% kerana dorongan orang tua dan seramai 3 pelajar responden 10% kerana paksaan orang lain. Hasil analisis dalam kajian ini, menunjukkan majoriti responden kajian memilih kursus bahasa Arab kerana minat sendiri seramai 17 pelajar responden dengan peratusan 56.6%.

Secara keseluruhan dapatan kajian ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa profil pelajar responden berdasarkan umur didapati umur terbesar adalah 15-16 tahun seramai 18

pelajar responden 60%, tempat lahir didapati seramai 18 pelajar responden 60% berasal daripada Desa/Kampung, dari segi tingkatan belajar didapati pelajar berada pada tingkat ke-1 seramai 14 pelajar responden 46.6%, manakala dari segi pekerjaan Ibu bapa ialah seramai 19 pelajar responden 63.3% bekerja sebagai Petani dan dari segi memilih kursus bahasa Arab kerana minat sendiri didapati seramai 17 pelajar responden dengan peratusan 56.6%.

#### **4.2.2 TAHAP PENGGUNAAN STRATEGI KOMUNIKASI**

Jadual 4.8 hingga 4.16 menunjukkan keputusan analisis bagi mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap penggunaan strategi komunikasi pelajar adalah:

1. Strategi pengelakan topik responden menyatakan setuju mengikut item ke-10 iaitu seramai 27 pelajar responden 90% (jadual 4.8), item ke-11 iaitu seramai 26 pelajar responden 87% (jadual 4.8) dan item ke-12 iaitu seramai 19 pelajar responden 63% (jadual 4.8).
2. Strategi meninggalkan mesej responden menyatakan setuju mengikut item ke-13 iaitu seramai 25 pelajar responden 83.33% (jadual 4.9), item ke-14 iaitu seramai 22 pelajar responden 73.33% (jadual 4.9) dan item ke-15 iaitu seramai 18 pelajar responden 73.33% (jadual 4.9).
3. Strategi penghampiran responden menyatakan setuju mengikut item ke-16 iaitu seramai 19 pelajar responden 76.67% (jadual 4.10) dan item ke-17 iaitu seramai 26 pelajar responden 86.66% (jadual 4.10).
4. Strategi pembentukan kata baru responden menyatakan setuju mengikut item ke-18 iaitu seramai 27 pelajar responden 90% (jadual 4.11) dan item ke-19 iaitu seramai 22 pelajar responden 73.33% (jadual 4.11).

5. Strategi penghuraian responden menyatakan setuju mengikut item ke-20 iaitu seramai 18 pelajar responden 60% (jadual 4.12), item ke-21 iaitu seramai 28 pelajar responden 93.34% (jadual 4.12).
6. Strategi penukaran kod bahasa responden menyatakan setuju mengikut item ke-22 iaitu seramai 28 pelajar responden 70% (jadual 4.13), item ke-23 iaitu seramai 16 pelajar responden 53.33% (jadual 4.13), item ke-24 iaitu seramai 12 pelajar responden 60% (jadual 4.13).
7. Strategi terjemahan literal responden menyatakan setuju mengikut item ke-25 iaitu seramai 19 pelajar responden 63.33% (jadual 4.14), item ke-26 iaitu seramai 27 pelajar responden 90% (jadual 4.14) dan item ke-27 iaitu seramai 28 pelajar responden 93.33% (jadual 4.14).
8. Strategi rayuan kerjasama responden menyatakan setuju mengikut item ke-28 iaitu seramai 23 pelajar responden 76.67% (jadual 4.15), item ke-29 iaitu seramai 27 pelajar responden 90% (jadual 4.15), item ke-30 iaitu seramai 24 pelajar responden 80% (jadual 4.15), item ke-31 iaitu seramai 25 pelajar responden 83.33% (jadual 4.15), item ke-32 iaitu seramai 27 pelajar responden 90% (jadual 4.15) dan item ke-33 iaitu seramai 23 pelajar responden 76.67% (jadual 4.15).
9. Strategi bukan linguistik responden menyatakan setuju mengikut item ke-34 iaitu seramai 16 pelajar responden 56.66% (jadual 4.16), item ke-35 iaitu seramai 25 pelajar responden 83.33% (jadual 4.16), item ke-36 iaitu seramai 23 pelajar responden 76.67% (jadual 4.16), item ke-37 iaitu seramai 22 pelajar responden 73.33% (jadual 4.16) dan item ke-38 iaitu seramai 28 pelajar responden 93.33% (jadual 4.16).

Sebagai rumusannya didapati bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LPIA berdasarkan tindak balas responden terhadap item-item kajian didapati 7 strategi komunikasi berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 75% - 82.77% pelajar responden menyatakan setuju dan didapati 2 strategi komunikasi berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu strategi komunikasi meninggalkan mesej dan strategi komunikasi penukaran kod bahasa dengan peratusan antara 62.22% - 72.22% pelajar responden menyatakan setuju. Dengan yang demikian tahap strategi komunikasi berada pada tahap yang tinggi dimana majoriti responden bersetuju terhadap penggunaan strategi-strategi tersebut. Walaupun didapati 2 strategi berada pada tahap yang sederhana tinggi, Hal ini berlaku mungkin kerana pelajar responden kurang gemar menggunakan strategi meninggalkan mesej dan penukaran kod bahasa semasa berkomunikasi.

#### **4.2.2.1 Strategi Pengelakan**

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap 2 bahagian strategi komunikasi berdasarkan strategi pengelakan mengikut soal selidik yang diterima daripada 30 pelajar responden. Terdapat 6 item (10,11,12,13,14,15) yang akan menggambarkan amalan yang dilakukan oleh pelajar dalam konteks komunikasi bahasa Arab. Dalam kajian ini strategi pengelakan dibahagikan dalam dua bahagian iaitu:

### a) Pengelakan Topik

**Jadual 4.8 Strategi Pengelakan Topik**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
10	Saya kerap kali mengelak bercakap dalam bahasa Arab jika saya tidak faham maksudnya	0.00 0	0.00 0	10.00 3	53.33 16	36.67 11	100 30
11	Saya kerap kali diam ketika saya tidak ingat kosa kata dalam percakapan bahasa Arab	0.00 0	0.00 0	13.33 4	53.33 16	33.33 10	100 30
12	Saya mengelakkan topik percakapan ketika saya tidak faham perkataan bahasa Arab yang sesuai	6.67 2	13.33 4	16.67 5	36.67 11	26.67 8	100 30

Jadual 4.8 di atas menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan berdasarkan tindak balas responden terhadap penggunaan strategi pengelakan topik yang digunakan dalam komunikasi bahasa Arab mengikut item-item kajian. Kesemuanya terdapat 3 item (10, 11, 12) dalam kajian ini pelajar menyatakan setuju terhadap penggunaan strategi pengelakan topik dalam komunikasi bahasa Arab.

Secara perinci menunjukkan item 10 seramai 27 responden 90% menyatakan setuju terhadap mengelak bercakapan ketika tidak faham maksud yang diucapkan dalam berkomunikasi. Hal ini berdasarkan kepada dapatan kajian dimana kebanyakan pelajar memberi tanggapan yang tinggi dan bersetuju terhadap penggunaan strategi ini. Kemudian diikuti item ke-11 didapati seramai 26 responden 87% menyatakan setuju dengan memilih diam ketika tidak ingat kosa kata dalam percakapannya. Oleh itu, dapatan kajian ini berada pada tahap yang tinggi.

Manakala mengelak topik percakapan ketika tidak faham kosa kata yang sesuai dalam percakapannya didapati seramai 19 responden 63% menyatakan setuju. Dengan demikian, dapatan analisis item 12 kajian ini menunjukkan strategi tersebut berada pada tahap yang sederhana tinggi.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi pengelakan topik dalam komunikasi bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Hal ini, berdasarkan hasil daripada tindak balas pelajar terhadap 3 item kajian yang mengambarkan amalan responden dalam berkomunikasi. Dapatan kajian ini mempunyai nilai peratusan secara keseluruhannya iaitu 80% dengan kekerapan seramai antara 19-27 responden bersetuju terhadap penggunaan strategi komunikasi pengelaka topik dalam percakapan.

### b) Meninggalkan Mesej

**Jadual 4.9 Strategi Meninggalkan Mesej**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
13	Jika saya tidak mengingat perkataan yang betul, saya meninggalkan mesej atau berhenti berbual	0.00 0	3.33 1	13.33 4	60.00 18	23.33 7	100 30
14	Ketika saya menghadapi kesulitan bercerita dalam bahasa Arab saya menggugurkan cerita itu	0.00 0	0.00 0	26.67 8	40.00 12	33.33 10	100 30
15	Saya berusaha meneruskan perbualan walaupun saya merasa takut menggunakan bahasa Arab	6.67 2	3.33 1	30.00 9	43.33 13	16.67 5	100 30

Jadual 4.9 menunjukkan taburan peratus dan kekerapan terhadap penggunaan strategi komunikasi berdasarkan persepsi pelajar. Terdapat 3 item (13, 14, 15) dalam penggunaan strategi meninggalkan mesej menunjukkan peratusan yang tinggi.

menyatakan setuju. Hal ini berdasarkan dapatan daripada item 13 dimana seramai 25 responden 83.33% menyatakan setuju terhadap meninggalkan mesej atau berhenti bercakap ketika tidak mengingat perkataan. Dapatan ini berada pada tahap yang tinggi.

Manakala item ke-14 didapati seramai 22 responden 73.33% menyatakan setuju menggugurkan ceritanya ketika menghadapi kesulitan bercerita dalam bahasa Arab dan diikuti item ke-15 dimana responden menyatakan setuju berusaha meneruskan percakapan walaupun merasa takut bercakap dalam bahasa Arab. Hal ini didapati seramai 18 pelajar responden dengan peratusan 60%. Dapatan kajian ini berdasarkan hasil analisis terhadap kedua-dua item kajian berada pada tahap yang sederhana tinggi.

Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi meninggalkan mesej berdasarkan tindak balas pelajar terhadap item-item kajian berada pada tahap tinggi. Dapatan ini berdasarkan hasil analisis daripada 3 item dimana 77% pelajar menyatakan setuju menggunakan strategi meninggalkan mesej ketika mangalami kesulitan, tidak mengingat perkataan dan merasa takut dalam komunikasi bahasa Arab.

#### **4.2.2.2 Strategi Parafrasa**

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap Strategi Parafrasa berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 30 pelajar responden. Maklum balas ini akan menggambarkan amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam konteks komunikasi bahasa Arab. Strategi Parafrasa dibahagikan dalam tiga bahagian iaitu;

### i. Penghampiran

**Jadual 4.10 Strategi Penghampiran**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
16	Jika saya tidak dapat berpikir tentang satu perkataan bahasa Arab, saya akan gunakan perkataan atau rangkaian kata lain yang membawa maksud yang sama	3.33 1	3.33 1	30.00 9	46.67 14	16.67 5	100 30
17	Saya kerap kali mencatat istilah-istilah bahasa Arab yang sama dalam fonetik	0.00 0	3.33 1	10.00 3	43.33 13	43.33 13	100 30

Jadual 4.10 menunjukkan taburan peratus dan kekerapan pelajar berdasarkan maklum balas yang diterima daripada responden. Keseluruhannya terdapat 2 item (16, 17) dan setiap item menunjukkan tahap penggunaan strategi komunikasi penghampiran dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi.

Item 16 dan item 17 didapati seramai 19 responden dengan peratusan 76.67% bersetuju menggunakan rangkaian kata yang lain ketika tidak dapat berpikir satu perkataan dalam berkomunikasi, namun rangkaian kata tersebut mempunyai maksud yang sama. Manakala mencatat istilah-istilah bahasa Arab yang mempunyai kesamaan fonetik. Didapati seramai 26 responden dengan peratusan 86% menyatakan setuju pula. Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa menggunakan perkataan lain dan mencatat istilah bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi.

Hasil dapatan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi penghampiran berada pada tahap yang tinggi. Hal ini berdasarkan tindak balas responden terhadap 2 item kajian yang secara keseluruhan mempunyai nilai

peratusan sebanyak 82% dimana majoriti responden menyatakan setuju terhadap penggunaan strategi tersebut.

## ii. Pembentukan Kata Baru

**Jadual 4.11 Strategi Pembentukan Kata Baru**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
18	Saya lebih banyak menciptakan kata baru ketika saya kehilangan kosa kata dalam percakapan	3.33 1	0.00 0	6.67 2	50.00 15	40.00 12	100 30
19	Saya kerap kali menggunakan punggutan bahasa arab dalam bahasa Indonesia ketika mengalami kesulitan dalam berbual	0.00 0	3.33 1	23.33 7	43.33 13	30.00 9	100 30

Jadual 4.11 di atas menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan pelajar dalam penggunaan strategi pembentukan kata baru berdasarkan tindak balas responden terhadap item-item kajian. Keseluruhannya terdapat 2 item (18, 19) dan bagi kedua-dua item tersebut responden menyatakan setuju menggunakannya dalam berkomunikasi bahasa Arab.

Item 18 didapati bahawa responden kerap kali menciptakan kata baru ketika kehilangan kosa kata dalam percakapannya. Hasil kajian menunjukkan tahap strategi komunikasi ini berada pada tahap yang tinggi dimana seramai 27 responden dengan peratusan 90% responden menyatakan setuju. Manakala item 19 didapati berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan peratusan 73.33% seramai 22 responden menyatakan setuju menggunakan punggutan bahasa Arab daripada bahasa Indonesia ketika mengalami kesulitan dalam percakapanya.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi pembentukan kata baru berada pada tahap yang tinggi. Ini berdasarkan kepada hasil analisis daripada kesemua 2 item kajian dimana 82% pelajar menyatakan setuju menggunakan penciptaan kata baru dan punggutan bahasa Indonesia ketika kehilangan kosa kata dan menghadapi kesulitan dalam percakapannya.

### **iii. Penghuraian**

**Jadual 4.12 Strategi Penghuraian**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
20	Saya merasa senang menggunakan perkataan berbelit-belit untuk menjelaskan suatu konsep yang tidak diketahui ketika berbual	0.00 0	0.00 0	40.00 12	46.67 14	13.33 4	100 30
21	Saya menghuraikan kosakata yang sulit di fahami oleh pendengar dengan jelas supaya mereka faham	3.33 1	0.00 0	3.33 1	46.67 14	46.67 14	100 30

Jadual 4.12 menunjukkan taburan peratus dan kekerapan pelajar berdasarkan tindak balas yang diberikan tentang penggunaan strategi penghuraian dalam komunikasi. Terdapat 2 item (20, 21) dan setiap item pelajar responden menyatakan setuju.

Berdasarkan item 20 didapati seramai 18 responden 60% menyatakan setuju dimana responden senang menggunakan perkataan berbelit-belit untuk menjelaskan suatu konsep yang tidak diketahui ketika berbual. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap strategi tersebut berada pada tahap yang sederhana tinggi. Namun dalam item 21 didapati berada pada tahap yang tinggi dimana seramai 28 responden dengan peratusan 93.34% responden menyatakan setuju dalam menggunakan huraian kosakata yang sulit difahami oleh pendengar supaya mereka faham terhadap apa yang disampaikannya.

Kesemua dapatan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa strategi penghuraian adalah berada pada tahap yang tinggi dimana 77% responden menyatakan setuju menggunakan perkataan berbelit-belit untuk menjelaskan suatu konsep dan perbualan yang tidak difahami oleh pendengar dalam berkomunikasi.

#### **4.2.2.3 Strategi Pemindahan Bahasa Secara Sedar**

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap strategi pemindahan bahasa secara sedar berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 30 pelajar responden. Maklum balas ini akan menggambarkan amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam konteks komunikasi bahasa Arab. Strategi pemindahan secara sedar dibahagikan dalam dua bahagian iaitu:

##### **i. Penukaran Kod Bahasa**

**Jadual 4.13 Strategi Penukaran Kod Bahasa**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
22	Ketika saya kehilangan idea sewaktu bertutur dalam bahasa Arab saya menukar kod dari bahasa Indonesia kebahasa Inggeris	0.00 0	3.33 1	3.33 1	73.33 22	20.00 6	100 30
23	Saya kerap kali menggunakan beberapa bahasa ketika saya bercakap dengan kawan	10.00 3	10.00 3	26.67 8	43.33 13	10.00 3	100 30
24	Saya kerap kali memasukkan bahasa Ibunda ketika saya bercakap supaya percakapan berjalan lancar	10.00 3	10.00 3	40.00 12	23.33 7	16.67 5	100 30

Jadual 4.13 di atas menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan pelajar berdasarkan item kajian terhadap penggunaan strategi pembentukan kod bahasa yang digunakan dalam komunikasi bahasa Arab. Keseluruhannya terdapat 3 item (22, 23, 34) dan setiap item pelajar menyatakan setuju.

Didapati 1 item iaitu item 22 yang mempunyai peratusan yang tinggi iaitu seramai 28 pelajar responden 93.33% menyatakan setuju terhadap penukaran kod bahasa ketika kehilangan idea semasa bertutur. Kajian ini menunjukkan bahawa tindak balas responden berdasarkan item kajian meletakan tahap penggunaan strategi komunikasi penukaran kod berada pada tahap yang tinggi.

Manakala item 23 responden menyatakan setuju seramai 16 responden 53.33% dimana responden kerap kali menggunakan beberapa bahasa ketika bercakap. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap strategi tersebut berada pada tahap yang sederhana tinggi. Sementara, memasukkan bahasa Ibunda ketika berkomunikasi dengan tujuan supaya lancer dalam percakapannya. Didapati seramai 12 responden menyatakan kurang setuju dengan peratusan 40%. Hasil analisis ini berdasarkan tindak balas responden terhadap item ke-24 yang meletakan pada tahap yang sederhana rendah.

Kesimpulan daripada dapatan ini, bahawa tahap penggunaan strategi penukaran kod bahasa berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan peratusan 69% dimana terdapat 2 item kajian responen menyatakan setuju dan 1 item pelajar responden menyatakan kurang setuju. Dengan demikian, strategi komunikasi penukaran kod bahasa agak digemari oleh pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab.

## ii. Terjemahan Literal

**Jadual 4.14 Strategi Terjemahan Literal**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
25	Saya lebih senang dengan aktiviti terjemahan dalam kelas	3.33 1	10.00 3	23.33 7	33.33 10	30.00 9	100 30
26	Semasa bertutur saya berfikir dalam bahasa Indonesia dulu lalu terjemahkan kedalam bahasa Arab	0.00 0	0.00 0	10.00 3	30.00 9	60.00 18	100 30
27	Saya kerap kali membuat suatu topik percakapan dalam bahasa Indonesia kemudian saya terjemahkan dalam bahasa Arab	0.00 0	3.33 1	3.33 1	40.00 12	53.33 16	100 30

Jadual 4.14 menunjukkan taburan peratus dan kekerapan pelajar terhadap penggunaan strategi terjemah literal berdasarkan tindak balas pelajar terhadap item-item kajian.

Terdapat 3 item (25, 26, 27) dan setiap item didapati pelajar menyatakan setuju.

Secara perinci berdasarkan dapatan item 25 dimana responden menyatakan setuju bahawa mereka menyukai aktiviti terjemahan dalam kelas. Hal ini, berdasarkan daripada hasil analisis terhadap item kajian didapati seramai 19 pelajar responden 63.33% menyatakan setuju dan meletakan pada tahap yang sederhana tinggi.

Manakala item 26 didapati seramai 27 responden 90% menyatakan setuju menggunakan terjemahan bahasa Indonesia sebelum bercakap dalam bahasa Arab. Kemudian diikuti item 27 menunjukkan bahawa responden membuat topik percakapan dalam bahasa Indonesia kemudian diterjemahkan dalam bahasa Arab untuk melancarkan percakapannya. Hasil dapatan kajian ini didapati seramai 28 pelajar responden 93.33% menyatakan setuju. Dengan demikian, kedua-dua item tersebut berada pada tahap yang tinggi.

Hasil analisis dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi terjemahan literal berada pada tahap yang tinggi iaitu 83.33% majoriti responden menyatakan setuju. Dapatan ini berdasarkan daripada hasil analisis daripada kesemua 3 item dimana pelajar memberikan tindak balas terhadap tahap penggunaan strategi tersebut. Hal ini berlaku ketika responden mengalami kesulitan dalam menyampaikan kosa kata bahasa Arab semasa berkomunikasi.

#### **4.2.2.4 Strategi Rayuan Kerjasama**

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap Strategi Rayuan Kerjasama berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 30 pelajar responden. Maklum balas ini akan menggambarkan amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam konteks komunikasi bahasa Arab.

**Jadual 4.15 Strategi Rayuan Kerjasama**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
28	Saya kerap kali membawa kamus bahasa Arab setiap kali berkomunikasi	0.00 0	3.33 1	20.00 6	46.67 14	30.00 9	100 30
29	Saya kerap kali mencatat perkataan yang belum pernah saya dengar	0.00 0	10.00 3	0.00 0	66.67 20	23.33 7	100 30
30	Ketika saya kehilangan idea sewaktu bertutur bahasa Arab, Saya meminta bantuan orang yang lebih faham	3.33 1	3.33 1	13.33 4	50.00 15	30.00 9	100 30
31	Saya kerap kali menunjukkan mimik muka dihadapan pendengar apabila saya menghadapi masalah dalam percakapan	0.00 0	3.33 1	13.33 4	33.33 10	50.00 15	100 30
32	Saya kerap kali menggunakan nota ketika saya tidak tahu kosa kata bahasa arab untuk menyampaikan maksud	0.00 0	3.33 1	6.67 2	26.67 8	63.33 19	100 30
33	Saya merasa senang menggunakan isyarat dalam komunikasi ketika saya kehilangan perkataan bahasa Arab	0.00 0	6.67 2	16.67 5	46.67 14	30.00 9	100 30

Jadual 4.15 di atas menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan pelajar berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 30 responden dalam memberi tindak balas terhadap penggunaan strategi rayuan kerjasama yang digunakan dalam komunikasi bahasa Arab. Keseluruhananya terdapat 6 item (28, 29, 30, 31, 32, 33) dan setiap item dalam tindak balas pelajar menunjukkan penggunaan strategi rayuan kerjasama dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi dengan peratusan antara 76.66% - 90%.

Secara perinci didapati 2 item (29, 32) yang mempunyai peratusan dan kekerapan yang sama iaitu seramai 27 pelajar responden 90% menyatakan setuju dimana responden kerap kali mencatat perkataan yang tidak pernah didengar dan ketika tidak tahu kosa

kata bahasa Arab mereka kerap kali menggunakan nota untuk menyampaikan maksudnya. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi tersebut berdasarkan kedua-dua item kajian berada pada tahap yang tinggi. Ini bererti item kajian bersesuai dengan amalan yang biasa dilakukan responden ketika berkomunikasi bahasa Arab.

Begitu pula item 28 dan item 33 didapati responden setiap kali berkomunikasi kerap kali membawa kamus bahasa Arab mungkin hal ini dapat membantu responden untuk menyampaikan mesej yang ingin disampaikan dan mereka merasa senang menggunakan isyarat dalam berkomunikasi ketika kehilangan kosa kata bahasa Arab. Dapatkan ini menunjukkan kedua-dua item tersebut didapati seramai 23 responden dengan peratusan 76.66% menyatakan setuju. Berdasarkan keputusan hasil analisis di atas, nyata tindak balas responden terhadap kedua-dua item berada pada tahap yang tinggi dan ini menggambarkan amalan responden yang biasa dilakukan.

Daripada item 30 didapati seramai 24 responden 80% menyatakan setuju meminta bantuan ketika responden kehilangan idea semasa bertutur. Kemudian diikuti item 31 responden menyatakan setuju pula seramai 25 responden 83.33% dimana responden menunjukkan mimik muka apabila menghadapi masalah dalam berkomunikasi. Dapatkan kajian ini berada pada tahap yang tinggi.

Dapatkan kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi rayuan kerjasama berdasarkan tindak balas responden terhadap item-item kajian secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dimana pelajar responden menyatakan setuju. Ini bererti strategi rayuan kerjasama memang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Dengan berbuat begitu

masalah komunikasi dapat diselesaikan dan mesej yang ingin disampaikan berjalan dengan lancar.

#### 4.2.2.5 Strategi Bukan Linguistik

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap strategi bukan linguistik berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 30 responden. Maklum balas ini akan menggambarkan amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam konteks komunikasi bahasa Arab.

**Jadual 4.16 Strategi Bukan Linguistik**

Bil	Kenyataan	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
34	Jika saya terlupa perkataan bahasa Arab semasa bercakap, saya menggunakan isyarat	3.33 1	0.00 0	53.33 16	33.33 10	10.00 3	100 30
35	Jika saya tidak tahu istilah telefon bimbit dalam bahasa arab saya mengangkat tangan dan menggayakannya	0.00 0	3.33 1	13.33 4	23.33 7	60.00 18	100 30
36	Saya senang menggunakan mimik muka ketika saya tidak tahu kosa kata percakapan dalam kelas	0.00 0	3.33 1	20.00 6	33.33 10	43.33 13	100 30
37	Ketika saya tidak dapat meneruskan perbincangan dalam bahasa arab saya tersenyum kepada pendengar	0.00 0	3.33 1	23.33 7	50.00 15	23.33 7	100 30
38	Ketika saya ditanya oleh guru dengan bahasa Arab dan saya tidak faham maknanya saya mengelengkan kepala	0.00 0	0.00 0	6.67 2	6.67 2	86.67 26	100 30

Jadual 4.16 menunjukkan taburan peratus dan kekerapan pelajar terhadap penggunaan strategi bukan linguistik berdasarkan tindak balas responden terhadap item-item kajian. Kesemuanya terdapat 5 item (34, 35, 36, 37, 38).

Didapati 2 item berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu item 34 dimana responden menyatakan kurang setuju seramai 16 responden dengan peratusan 53.33% responden menggunakan isyarat ketika terlupa kosa kata bahasa Arab. Dan kemudian diikuti item 37 didapati seramai 22 responden 73.33% responden menyatakan setuju memilih tersenyum ketika tidak dapat meneruskan perbincangan.

Namun sebaliknya terdapat 3 item kajian berada pada tahap yang tinggi iaitu item 35, 36, 38 dimana responden menyatakan setuju mengangkat tangan ketika tidak tahu istilah telefon bimbit dalam bahasa Arab. Hal ini didapati seramai 25 responden dengan peratusan 83.33%. Sementara menggunakan mimik muka ketika responden tidak tahu kosa katanya mendapat tindak balas daripada responden sebanyak 76.67% seramai 23 responden menyatakan setuju. Kemudian diikuti dengan mengelengkan kepala digunakan oleh pelajar ketika tidak faham maknanya semasa ditanyakan oleh guru dalam kelas. Hal ini didapati seramai 28 responden 93.33% menyatakan setuju.

Hasil daripada analisis ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi bukan linguistik berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini berdasarkan kepada hasil analisis secara keseluruhan daripada kesemua 5 item berada pada tahap yang tinggi iaitu 76% majoriti responden menyatakan setuju. Dengan yang demikian, hasil kajian ini menunjukkan bahawa gambaran amalan yang biasa dilakukan oleh responden terhadap strategi komunikasi bukan linguistik memang sesuai. Hal ini berlaku mungkin bagi menyelesaikan masalah dalam menyampaikan mesej yang tidak diketahui leksikalnya. Sehingga isyarah seperti mimik muka, mengelengkan kepala, tersenyum dan mengangkat tangan digunakan oleh pelajar ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab.

#### **4.2.3 Faktor Motivasi Pelajar**

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan analisis maklumat tentang motivasi pelajar samada memberi dorongan atau tidak terhadap pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab. Hal ini berdasarkan tindak balas pelajar terhadap elemen-elemen kajian 1, 2, 3, 4, 5, 6.

**Jadual 4.17 Faktor Motivasi Pelajar**

Bil	Motivasi pelajar	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju	Jum
1	Saya berminat belajar bahasa Arab	0.00 0	0.00 0	0.00 0	23.33 7	76.67 23	100 30
2	Saya kerap kali aktif mengikuti kegiatan ekstrakurikuler kolej	0.00 0	23.33 7	23.33 7	40.00 12	13.33 4	100 30
3	Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang mudah dipelajari	3.33 1	6.67 2	16.67 5	46.67 14	26.67 8	100 30
4	Mempelajari bahasa Arab penting untuk memahami al-Qur'an	0.00 0	0.00 0	0.00 0	6.67 2	93.33 28	100 30
5	Selain untuk memahami al-Qur'an, bahasa Arab perlu sebagai bahasa kedua	3.33 1	0.00 0	3.33 1	30.00 9	63.33 19	100 30
6	Sebelum mempelajari bahasa Arab di kolej ini, saya mempelajari di tempat lain	0.00 0	0.00 0	3.33 1	36.67 11	60.00 18	100 30

Jadual 4.17 menunjukkan keseluruhannya daripada 6 item kajian berdasarkan tindak balas pelajar terhadap motivasi pelajar sebagai faktor pendorong berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar program persiapan bahasa (*I'dad al-lughawi*) di LIPIA. Didapati 4 item kajian berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 28 - 30 pelajar dengan peratusan 93% - 100% pelajar menyatakan setuju. Dan 2 item berada pada tahap yang sederhana tinggi antara peratusan 53.33% - 73.43%.

Secara perinci faktor motivasi pelajar berdasarkan item ke-1 dan item ke-4 menunjukkan bahawa responden mempunyai minat yang tinggi dalam mempelajari bahasa Arab dan ini penting untuk memahami al-Qur'an. Berdasarkan kedua item tersebut didapati seramai 30 responden dengan peratusan 100% menyatakan setuju. Jawaban ini berada dalam kategori yang tinggi.

Kemudian item ke-6 dimana responden menyatakan setuju seramai 29 responden 96.67% bahawa mereka pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ia mempelajari bahasa Arab di LIPIA. Diikuti item ke-5 didapati seramai 28 responden dengan peratusan 93.33% menyatakan setuju terhadap motivasi mempelajari bahasa Arab perlu sebagai bahasa kedua. Motivasi ini, berada dalam kategori yang tinggi dalam memberi dorongan terhadap pelajar. Hal ini, bererti bahawa responden mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari bahasa Arab.

Manakala seramai 22 responden 73.34% berada dalam kategori sederhana tinggi bagi motivasi mengikut item ke-3 dimana responden menyatakan setuju bahawa Arab adalah mata pelajaran yang mudah dipelajari sehingga faktor ini dapat memberi motivasi pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab. Diikuti item ke-2 dimana responden menyatakan setuju seramai 16 responden 53.33% terhadap kegiatan ekstrakurikuler kolej. Dapatan ini berada dalam kategori sederhana tinggi.

Sebagai rumusannya didapati bahawa motivasi pelajar secara keseluruhannya berada pada dalam kategori yang tinggi sebagai faktor pendorong bagi pelajar LIPIA berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hal ini berdasarkan hasil analisis daripada tindak balas pelajar terhadap item-item kajian dimana majoriti responden menyatakan setuju dan kesemuanya mempunyai peratusan yang tinggi. Namun bagi kegiatan

ekstrakurikuler dan anggapan bahawa bahasa Arab mudah dipelajari responden kurang bersetuju mungkin kerana kedua-duanya kurang memberi dorongan dan menganggap hal itu tidak mudah untuk diamalkan dan kurang bersesuaian terhadap amalan yang biasa mereka lakukan sehingga mereka memberi tindak balas berada dalam kategori yang sederhana tinggi.

#### **4.2.4 Faktor Dorongan daripada Guru**

Bahagian ini membincangkan keputusan analisis kajian mengikut 3 item berdasarkan tindak balas pelajar terhadap faktor dorongan daripada guru bagi mengenalpasti faktor yang mendorong pelajar LIPIA dalam berkomunikasi bahasa Arab.

**Jadual 4.18 Faktor Dorongan guru**

Bil	Dorongan Guru	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
7	Guru saya memberi petunjuk cara mempelajari bahasa Arab dengan teratur	0.00 0	0.00 0	10.00 3	40.00 12	50.00 15	100 30
8	Saya diberi peluang untuk memgambil bahagian dengan aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas	0.00 0	0.00 0	23.33 7	36.67 11	40.00 12	100 30
9	Guru saya memberi petunjuk supaya saya menggunakan apa saja strategi yang sesuai sekiranya saya menghadapi kesulitan semasa belajar bahasa Arab	0.00 0	3.33 1	0.00 0	30.00 9	66.67 20	100 30

Jadual 4.18 menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan pelajar secara keseluruhan daripada 3 item kajian ini, didapati hasil analisis terhadap dorongan guru berada dalam kategori yang tinggi dimana majoriti responden menyatakan setuju.

Item ke-7 menunjukkan bahawa petunjuk guru dalam mempelajari bahawa Arab dapat memberi dorongan terhadap pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab dimana seramai 27 responden 90% menyatakan setuju dan berada dalam kategori yang tinggi. Kemudian diikuti item ke-8 seramai 23 responden 76.67% menyatakan setuju terhadap peluang untuk aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Dengan demikian, dorongan ini berada dalam kategori yang tinggi.

Sementara item ke-9 didapati majoriti responden menyatakan setuju dimana guru memberikan petunjuk kepada pelajar supaya menggunakan apa saja strategi ketika menghadapi masalah semasa belajar bahasa Arab. Dapatan kajian ini berdasarkan tindak balas responden terhadap item kajian, dimana responden meletakan dorongan tersebut dalam kategori yang tinggi dengan peratusan 96.67% seramai 29 responden.

Secara keseluruhannya kajian ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tindak balas responden terhadap dorongan guru berdasarkan item-item kajian yang merangkumi diantaranya; arahan menggunakan apa-apa strategi yang sesuai dalam pembelajaran bahasa Arab, arahan mempelajari bahasa Arab dan memberi peluang untuk aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa dalam kelas. Dapatan kajian ini berada dalam kategori yang tinggi dimana majoriti pelajar menyatakan setuju. Ini bererti dorongan guru tersebut sememang dapat memberi dorongan kepada pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab dan hal ini pula mengambarkan bahawa dorongan tersebut bersesuaian dengan apa yang diamalkan responden dalam setiap masa ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab.

#### **4.3 ANALISIS DATA KUALITATIF**

Data kualitatif ini diperolehi melalui rakaman video ujaran lisan (*speech production*) yang telah ditranskripsikan yang terhasil melalui aktiviti tugas komunikasi lisan yang dijalankan terhadap 12 orang responden yang dipilih secara rawak bagi mewakili responden yang lainnya. Ianya bagi mengenalpasti pelajar LIPIA menggunakan strategi komunikasi ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab.

Pemerhatian terhadap subjek adalah lebih mudah sekiranya mereka dibahagikan dalam dua kelompok berdasarkan asas atau latar belakang subjek dalam bahasa Arab. Pengkaji mendapati klasifikasi atau tujuan melebelkan subjek memudahkan untuk melihat kemampuan subjek dalam aktiviti lisan. Ini kerana mereka masing-masing memilih sendiri teman bual mereka sewaktu aktiviti lisan dijalankan. Cara ini akan memudahkan analisis aktiviti lisan dibuat nanti.

Kumpulan aktiviti lisan ini diperolehi daripada 12 responden dengan maklumat asasnya adalah seperti berikut:

**Jadual 4.19 Maklumat Asas Subjek Dalam Aktiviti Lisan**

Bilangan Kumpulan	6 Responden
Pernah mempelajari bahasa Arab sewaktu bersekolah	Dalam pemerhatian individu pengkaji mereka dilebelkan sebagai “Pelajar Kumpulan A”
Pelajar yang baru mempelajari bahasa Arab	Dalam pemerhatian individu pengkaji mereka dilebelkan sebagai “Pelajar Kumpulan B”
Jumlah Subjek	12 orang

Ini bermakna setiap satu kumpulan bebas mempunyai seorang subjek yang mempunyai asas bahasa Arab ataupun sebaliknya iaitu masing-masing baru mempelajari bahasa Arab. Dengan cara ini kita akan melihat sejauhmanakah pelajar-pelajar membuat rayuan kerjasama sewaktu berkomunikasi. Mereka akan meminta bantuan rakan walaupun telah diketahui mereka masing-masing agak lemah untuk bertutur dengan lancar.

Aktiviti lisan ini juga telah dirakam pengkaji menggunakan alat perakam video digital bagi memudahkan pengkaji menganalisis dan membuat transkripsi bagi mengenalpasti bentuk-bentuk strategi komunikasi yang digunakan. Kebenaran secara lisan juga diperoleh daripada 12 responden tersebut untuk merakam aktiviti tugas komunikasi lisan yang dijalankan.

#### **4.3.1 Strategi Pengelakan Topik**

Strategi Pengelakan topik dapat dikenalpasti apabila pelajar sengaja tidak akan bercakap tentang topik yang diberikan kerana perbendaharaan katanya tidak mencukupi untuk membolehkannya berbuat demikian (Tarone, 1981). Sementara Corder (1983) ianya sebagai “*a refusal to enter into or continue a discourse within some field or topik*”. Ianya berlaku kerana pelajar tersebut kekurangan pengetahuan linguistik.

Pandangan ini terbukti benar kerana di dalam kajian ini, didapati 6 kes strategi pengelakan topik dilakukan oleh responden yang disebabkan oleh halangan bahasa dan penutur merasa perkara yang hendak disebut itu tidak penting lagi. Sehingga responden mengalihkan komunikasinya kepada topik yang lain. Enam contoh strategi pengelakan topik adalah seperti jadual 4.2

#### JADUAL 4.20 Penggunaan Strategi Pengelakan Topik

<b>Pelajar</b>	<b>Ujaran bahasa Arab</b>
P2	:      ثم / وهذا صور لاطئة ولكن أقر لا أدري إسم // الواحد يعني هذا السمك
Ertinya	: Kemudian/ini adalah gambar beberapa makanan tetapi saya mengakui saya tidak tahu namanya// yang satu ini adalah ikan.
P2	:      ثم هذا الرز // لا أدري من أي جنس
Ertinya	: Saya tidak tahu dari jenis apa// kemudian ini nasi
P2	:      في سمك يعني، هو // أنا وجدت هذا في البتقار
Ertinya	: Ada ikan, ia// saya menemukan ini di risalah
P4	:      لا أدري(())إذا فلوسي كثير
Ertinya	: Saya tidak tahu(()) jika wangnya banya
P3	:      آين : : // مع من ستدهب إلى خارج البلاد
Ertinya	: Dimana : bersama sapa kamu pergi ke laur Negara
P4	:      عندكم ال ز (...)
Ertinya	: Anda punya (...) tidak punya.

P = Pelajar

Dalam contoh pertama, responden telah menggunakan strategi pengelakan topik dimana ia menjelaskan macam-macam makanan yang ada dalam gambar. Tetapi dia tidak menerangkan makanan secara lengkap, dia berhenti bercakap pada ayat

/ ثم

// ertynia 'kemudian / ini adalah gambar beberapa makanan tetapi saya mengakui saya tidak tahu namanya // ayat ini masih tidak lengkap, sebaliknya responden mendatangkan ayat baru iaitu الواحد يعني هذا السمك ertynia yang

*satu ini adalah ikan.* Sepatutnya responden meneruskan ujaran dengan ayat lengkap seperti *أسماك والأغذية ثم / وهذا صور لآطئه ولكن أقر لا أعرف الاسم*

Begitu pula dalam contoh ke 2, 3, 4, 5 dan ke 6, responden berhenti pada ayat *لا أدرى من*

*أي جنس...* ertiinya *saya tidak tahu dari jenis apa. ...* ertiinya *ada ikan في سمك يعني،*

*maksudnya ialah...* لا أدرى ertiinya *saya tidak tahu... أين* artinya *dimana...* dan pada ayat

*عندكم ال ز...* ertiinya *anda punya...* kesemua ayat-ayat ini masih tidak lengkap. Namun

sebaliknya responden mendatangkan ayat baru untuk meneruskan percakapannya.

Sepatutnya ayat yang betul untuk melengkapkan ujaran dalam percakapan ialah sebagai berikut;

*لا أدرى من أي جنس هذا السمك وهذا الرز في سمك يعني، هو كاب وسلامي الذين وجدت في الابتقار لا*

*أدرى ماذا نأكل اذا كان نقود كثيراً أين ستفصلي بعد امتحان ومع من سنذهب إلى خارج البلاد ، عندكم جواز*

#### 4.3.2 Strategi meninggalkan mesej

Strategi meninggalkan mesej dapat dikenalpasti apabila pelajar mula-mulanya melahirkan konsep yang hendak dinyatakan tetapi tidak tahu dan tidak berupaya untuk meneruskan, dia akan membiarkan ceritanya bergantung dan ujarannya juga tersekat.

Menurut Tarone (1983) strategi peninggalkan mesej di kesan apabila responden mungkin berasa terlalu sukar baginya untuk bertutur tentang topik. Ini menyebabkan, ujaran yang diungkapkan masih belum lengkap dihentikan begitu sahaja lantaran tidak mengetahui istilah atau kata yang bertepatan dengan mesej yang ingin disampaikan.

Dalam kajian ini, didapati 3 kes dalam penggunaan strategi meninggalkan mesej yang digunakan oleh responden berikut adalah contoh-contohnya.

#### JADUAL 4.21 Penggunaan Strategi Meninggalkan Mesej

##### Pelajar                  Ujaran bahasa Arab

P2                  :     ثم هذا السمك أيضا لا ادرى // من أي جنس //

Ertinya                  : Kemudian ini///adalah ikan juga saya tidak tahu// dari jenis apa

P1                  :     في مطعم جيد و لذيد في //

Ertinya                  : Ada ///(meninggalkan mesej) ya sahaja

P4                  :     / عندكم

Ertinya                  : Kamu punya (meninggalkan mesej)/ ya

Dalam contoh di atas, responden meninggalkan mesej dalam percakapannya. Ia berhenti pada ayat ...ثم, هذا السمك أيضا لا ادرى من أي جنس... ertinya *ikan ini pula saya tidak tahu dari jenis apa...*

begitu pula pada ayat ...في مطعم جيد و لذيد في... ertinya *ada restoran yang bagus dan enak di...* dan pada ayat ...عندكم... ertinya *kamu punya...* kesemua ayat-ayat ini tidak

lengkap dan menggantung percakapan kerana responden tidak mengetahui istilah yang bertepatan dengan mesej yang ingin sampaikan. Contoh yang betul untuk melengkapkan percapan ialah ...في مطعم جيد و لذيد في جانب المعهد

### 4.3.3 Strategi Penghampiran

Menurut Tarone (1983) Strategi Penghampiran dapat dikenalpasti apabila responden yang tidak mengetahui atau terlupa sesuatu leksikal dan menggunakan leksikal lain yang mempunyai makna semantik yang hampir sama dengan leksikal tersebut. Walaupun leksikal yang digunakan tidak tepat semasa bercakap, tetapi pada dasarnya mempunyai ciri-ciri semantik yang hampir sama dengan leksikal bahasa Arab yang hendak disampaikan dalam konteks dan situasi tersebut. Dengan leksikal yang terhad, penutur boleh menggunakan perkataan yang berhampiran maksudnya. Contoh-contoh strategi penghampiran yang digunakan oleh responden dalam kajian kes ini ialah seperti berikut;

#### JADUAL 4.22 Penggunaan Strategi Penghampiran

<b>Pelajar</b>	<b>Ujaran bahasa Arab</b>
P3	: يعني الطائرة تهبط في المطر _____ /
Ertinya	: Dan ini/adalah pesawat sedang mendarat di Bandara
P3	: سرکب من هنا بالحافلة
Ertinya	: Kita akan pergi kemalaysia dengan pesawat

Ertinya	: Dan ini/adalah pesawat sedang mendarat di Bandara
Ertinya	: Kita akan pergi kemalaysia dengan pesawat

Contoh di atas, strategi penghampiran telah digunakan dalam percakapan responden. Ini berlaku ketika responden tidak tahu leksikal dalam bahasa Arab *mendarat* iaitu “تهبط”

dan perkataan *pesawat* iaitu \_\_\_\_\_. Lantaran itu, responden menggunakan perkataan

“\_\_\_\_\_” bermakna *datang* dan \_\_\_\_\_ bermakna *bus* dalam percakapannya, kerana kedua-

dua perkataan menghampiri maksud. Ayat yang betul bagi kedua-dua contoh diatas

ialah سرکب الى ماليزيا الطائرة dan تبطط في المطر

#### **4.3.4 Strategi Penghuraian**

Strategi Penghuraian (*circumlocution*) dapat dikenalpasti apabila pelajar responden tidak dapat menggunakan struktur bahasa dengan sempurna. kemudian menghuraikannya secara panjang lebar dan berbelit-belit ciri-ciri sesuatu leksikal dengan harapan pendengar dapat mengendalikan dan meneka leksikal yang ingin disampaikan. Menurut Tarone(1983) strategi penghuraian ialah;

*“A wordy extended proses in which the learner describes the characteristics or element of the object or action instead of using the appropriate target language structure”*

(Tarone 1983:62)

Dalam kajian ini, ditemui 2 kes penggunaan strategi penghuraian yang disebabkan usaha responden untuk memberikan penerangan kepada pendengar supaya dapat di teka apa-apa yang disampaikan. Di antara contoh-contoh penggunaan strategi penghuraian (*circumlocution*) ialah seperti berikut;

#### **JADUAL 4.23 Penggunaan Strategi Penghuraian**

<b>Pelajar</b>	<b>Ujaran bahasa Arab</b>
P1	: <u>وهذه الصورة يعني الطائرة تطلق أو تطير</u>
Ertinya	: Dan ini gambar maksudnya adalah pesawat yang mendarat
P6	: <u>رخيص يعني ، لا بين الرخيص والغالي</u>
Ertinya	: Murah maksudnya tidak begitu mahal

Dalam contoh di atas, responden cuba menyampaikan mesej tentang pesawat berlepas daripada bandara dengan menggunakan ayat وَهَذِهِ الصُّورَةُ يَعْنِي الطَّائِرَةَ تَطْلُقُ أَوْ تَطِيرُ ertinya *ini gambar adalah pesawat telah berlepas atau terbang*. Ayat ini tidak betul, sebaliknya responden menghuraikan maksud yang ingin disampaikan kepada pendengar. Hal ini berlaku, kerana responden tidak mengetahui frasa yang tepat dalam bahasa Arab iaitu طائرة الإقلاع ertinya *pesawat berlepas*. Oleh kerana, dalam percakapannya responden telah menggunakan strategi penghuraian.

Contoh yang kedua, dalam percakapannya responden telah menggunakan strategi penghuraian pada ayat رِخِيصٌ يَعْنِي لَا بَيْنَ الرِّخِيصِ وَالْغَالِيِّ ertinya *murah maksudnya tidak mahal mahal dan tidak murah* ayat ini pula tidak betul. Ini berlaku ketika responden tidak tahu dengan tepat leksikal مَكْلَفَةٌ جَدِيدٌ bererti *tidak begitu mahal*. Dengan demikian responden menghuraikan dengan ungkapan ayat yang lain seperti contoh ujaran di atas bagi menjelaskan mesej yang ingin disampaikan.

#### 4.3.5 Strategi Penukaran Kod

Strategi ini berlaku apabila responden memasukkan bahasa ibunda dalam pertuturan untuk memastikan komunikasinya berjalan lancar (Kellerman, 1987). Strategi dikesan apabila didapati responden tidak mempunyai leksikal mengenai maksud yang ingin disampaikan dalam bahasa Arab, lantas mengambil jalan mudah dengan memasukkan leksikal bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran. Dalam kajin ini, didapati 1 kes penggunaan strategi penukaran kod, antaranya ialah;

#### **JADUAL 4.6 : Penggunaan Strategi Penukaran Kod**

Pelajar	Ujaran bahasa Arab
P6	: اسمه سمك بندیغ ، وهذا يعني مثل سمك "کاکاب"
Ertinya	: Namanya ikan "bandeng", dan ini seperti ikan "kakap"

Dalam contoh ini responden telah menggunakan perkataan *bandeng* yang bermaksud *ikan bandeng*. Perkataan ini berasal daripada bahasa Indonesia. Perkataan yang lebih tepat dalam bahasa Arab ialah السلماني bemaksud *ikan bandeng*. Jadi ayat yang betul ialah اسمه هو السلماني وهذا يعني مثل کاکاب

#### **4.3.6 Strategi Terjemahan Literal**

Terjemahan literal dikenalpasti sebagai strategi dominan yang digunakan responden semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab. Terjemahan literal berlaku apabila responden menggunakan terjemahan kata demi kata daripada satu bahasa ibunda iaitu bahasa Indonesia kepada bahasa kedua iaitu bahasa Arab apabila berkomunikasi. Responden menterjemahkan secara literal ungkapan bahasa Indonesia ke ujaran bahasa Arab. Walaupun ayat diujarkan itu dalam bahasa Arab, tetapi struktur ayat tersebut ialah ayat bahasa Indonesia. Contoh penggunaan strategi terjemahan literal ialah seperti berikut;

#### **JADUAL 4.25 Penggunaan Strategi Terjemahan Literal**

Pelajar	Ujaran bahasa Arab
P4	: <u>وهذه الطائرة تهبط</u>
Ertinya	: Dan ini pesawat sedang <u>mendarat</u>

Ungkapan contoh di atas adalah contoh terjemahan literal dari bahasa Indonesia kepada bahasa Arab digunakan sebagai strategi komunikasi yang membantu responden dalam menyampaikan mesej walaupun frasa tersebut tidak gramatis. Perkataan yang betul ialah تهبط

#### **4.3.7 Strategi Rayuan Kerjasama**

Rayuan kerjasama pengkaji telah mengenalpasti penggunaan strategi ini di dalam aktiviti lisan yang dijalankan. Rayuan kerjasama berlaku apabila responden meminta rakanya memberikan item atau butiran bentuk atau leksikal yang diperlukannya sewaktu berkomunikasi. Dalam kajian ini, pengkaji menemui 2 kes penggunaan strategi rayuan kerjasaman. Berikut adalah contoh penggunaan strategi Rayuan Kerajasama.

#### **JADUAL 4.26 Penggunaan Strategi Rayuan Kerjasama**

Pelajar	Ujarان bahasa Arab
P4	: ..... <u>أنا وجدت هذا في ابتكار</u> .....
Ertinya	: Saya telah menemukan ini (menunjuk gambar) di brosur.....
P6	: <u>هذه هي (( )) أريد أنأشتري لأخي الصغير</u>
Ertinya	: Ini (menunjuk majalah kecil) adalah (( )) yang saya nak membeli untuk adikku

Dalam kajian ini, didapati responden telah menggunakan strategi rayuan kerjasama dalam berkomunikasi. Ini berlaku responden meminta bantuan kepada rakan-rakannya untuk memberikan leksikal yang diperlukannya sewaktu berkomunikasi dengan menggunakan kata **هذا** dan **أي** yang bermaksud *ini*. Ia memberi isyarat dengan menunjukkan gambar yang responden tidak tahu perkataan yang dimaksud. Ini bertujuan untuk mengatasi masalah dalam berkomunikasi.

#### **4.4 PENEMUAN STRATEGI KOMUNIKASI BARU**

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menemukan 2 bentuk strategi komunikasi baru yang tidak tersenarai di dalam taksonomi Tarone (1983). Strategi-strategi komunikasi tersebut ialah (a) strategi penjedaan (b) strategi pengulangan.

##### **4.4.1 Strategi Penjedaan**

Penjedaan bermaksud responden berhenti sebentar (*Dewan Bahasa Edisi Keempat*) atau mengambil satu tempoh masa untuk berfikir mengenai leksikal yang sesuai dengan mesej yang ingin disampaikan. Dapatkan mendapat dengan menggunakan strategi ini responden mampu menggabungkan beberapa strategi komunikasi lain. Dalam kajian ini, pengkaji menemui 19 kes strategi penjedaan digunakan oleh responden. Contoh penggunaan strategi penjedaan ialah sebagai berikut:

#### **JADUAL 4.27 Penggunaan Strategi Penjedaan**

<b>Pelajar</b>	<b>Ujaran bahasa Arab</b>
P5	: <b>وهذه التأشيرة للدخول والخروج في البلاد</b>
Ertinya	: Dan/(penjedaan) visa keluar dan masuk negeri
P2	: <b>/ خبر أيضا</b>
Ertinya	: Apakah disana: :/ (penjedaan) ada roti juga
P5	: <b>كمثل في / كونوچ رينجاني في لومبوك / كونوچ بروم، فونجاك</b>
Ertinya	: Seperti di/(penjedaan) gunung rinjani di lombok dan/(penjedaan) gunung bromo dan puncak
P6	: <b>أريد أن ترافقني / بعد هذا أن أذهب إلى السوق</b>
Ertinya	: Saya mahu anda yang menemani saya kepasar setelah ini

Dalam contoh ini, responden jelas membuat penjedaan dengan mengambil satu tempoh dalam contoh ayat-ayat di atas. Responden berhenti sebentar pada ayat **وهذه...التأشيرة**

... خبر ... ، ... في... ... dan perkataan ... ترافقني... Penjedaan ini berlaku kerana responden cuba mengambil sedikit masa untuk mencari idea, menyusun fakta dan ayat. Malah penjedaan ini juga merupakan semula jadi seseorang penutur yang memang suka berjeda dalam pertuturan. Dengan demikian, strategi penjedaan memang digunakan dalam percakapan ketika pelajar menghadapi masalah dalam berkomunikasi.

#### **4.4.2 Strategi pengulangan**

Dalam kajian ini, penulis menemui sekurang-kurangnya 30 kes berlaku strategi pengulangan. Pengulangan yang dimaksudkan ialah pengulangan perkataan, frasa atau pun klausa. Kebanyakan responden menggunakan strategi pengulangan dengan tujuan untuk (a) memberi penekanan kepada makna sesuatu perkataan; (b) mendapatkan idea

yang tepat dan betul; (c) membetulkan kesilapan sebutan, kesalahan tatabahasa samada kata kerja, ganti nama dan sebagainya. Pengkaji telah mengenalpasti dalam aktiviti lisan yang dijalankan ke atas 12 responden yang dipilih secara rawak. Antara contohnya ialah;

#### **JADUAL 4.27 Penggunaan Strategi Pengulangan**

<b>Pelajar</b>	<b>Ujaran bahasa Arab</b>
P1	: <u>هذه الخريطة</u> / _____
Ertinya	: Dan ini/ini peta
P2	: <u>وهما</u> / <u>يعدان</u> / <u>أو الأطئمة لأهلهما</u> / <u>لأهلها</u>
Ertinya	: Dan mereka berdua/menyiapkan/beberapa makanan atau makanan untuk keluarganya/keluagarnya
P4	: <u>البحري يعني</u> _____ / _____
Ertinya	: Dan ini ikan/ikan laut
P3	: <u>أتريد أن تذهب</u> / <u>أن تذهب</u>
Ertinya	: Apakah anda mahu pergi/mahu pergi bersama saya
P5	: _____ / _____ <u>الذى يتعلق بهذه الرحلة</u>
Ertinya	: Sesuatu yang berkenaan perjalanan ini sudah ada/ada

Dalam contoh ujaran di atas, responden mengulangi kata هذا / هذه kerana perbezaan *mudhakkar* dan *mu'annath*. Responden menggunakan kata *mudzakkar* iaitu هذا yang pertama. Tetapi tidak bertepatan dengan fakta gambar yang diberikan iaitu kata *mu'annas*. Perkataan yang betul iaitu هذه kata *mu'annas* maskipun kedua-dua perkataan ini sama dalam maknanya iaitu *ini*. Begitu pula dengan perkataan ada tidak tepat untuk membilang perkataan الرحلة kerana perbezaan *mudhakkar* dan *mu'annath*.

Perkataan yang betul ialah \_\_\_\_\_ meskipun kedua-dua perkataan ini sama dalam makna iaitu *ada*. Oleh itu, tujuan pengulangan disini adalah untuk memperbaiki kesilapan gramatis ayat.

Perkataan \_\_\_\_\_ yang disebut pertama kali dan perkataan kedua **الأطئمة** pada contoh ayat **وَهَا / بِعْدَن / لِأَهْلِهَا الْطَّعَامُ أَوْ الْأَطْئَمَةُ لِأَهْلِهَا / لِأَهْلِهَا**. Pengulangan berlaku kerana perkataan pertama iaitu \_\_\_\_\_ bererti *makanan* bentuk kata *mufrad* manakala perkataan **الأطئمة** bererti *beberapa makanan* bentuk kata *jama'*. Begitu pula pada perkataan **لِأَهْلِهَا** bererti *keluarga* bentuk kata *mufrad* dan perkataan **لِأَهْلِهَا** bererti *dua keluarga* bentuk kata *tasniya*. Oleh yang demikian itu, pengulangan bertujuan untuk memperbaiki kesilapan gramatis ayat.

Strategi pengulangan yang bermotifkan penegasan dapat dikesan apabila penutur mengulangi sebutan sesuatu perkataan dengan penuh yakin dan tidak menampakkan adanya sebarang gangguan linguistik. Tambahan pula apabila penutur menggunakan beberapa perkataan yang berlainan bagi menggambarkan maksud ujarannya seperti contoh ayat diatas iaitu **البحري يعني** \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ yang bererti *ini ikan...ikan laut* dan contoh ayat **أَتَرِيدُ أَنْ تَذَهَّبَ / أَنْ تَذَهَّبَ مَعِي** ertinya *apakah anda mahu pergi...pergi bersama saya*. Pengulangan berlaku pada perkataan \_\_\_\_\_ bererti *ikan* dan perkataan **أن** \_\_\_\_\_ bererti *pergi*.

Adapun strategi komunikasi yang digunakan sebagai panduan menganalisis komunikasi pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah berasaskan taksonomi Tarone (1977) ianya dapat dikemukakan dalam carta 4.2 berikut:

Rajah 4.4 Strategi Komunikasi Taksonomi Tarone (1977)



Jadual 4.29 Hasil analisis tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar

LIP1

Bil	Strategi Komunikasi	Kekerapan	Peratusan	Peratus Kumulatif	Tahap
1	Strategi Pengelakan Topik	27	90%	80%	Tinggi
		26	86.67%		
		19	63.33%		
2	Strategi Meninggalkan Mesej	25	83.33%	72.22%	Sederhana Tinggi
		22	73.33%		
		18	60%		
3	Strategi Penghampiran	19	63.33%	75%	Tinggi
		26	86.67%		
4	Strategi Pembentukan Kata Baru	27	90%	82%	Tinggi
		22	73.33%		
5	Strategi Penghuraian	18	60%	77	Tinggi
		28	93.33%		
6	Strategi Penukaran Kod Bahasa	28	93.33%	62.22%	Sederhana Tinggi
		16	53.33%		
		12	40%		
7	Strategi Terjemah Literal	19	63.33%	82.22%	Tinggi
		27	90%		
		28	93.33%		
8	Strategi Rayuan Kerjasama	23	76.67%	82.77%	Tinggi
		27	90%		
		24	80%		
		25	83.33%		
		27	90%		
		23	76.67%		
9	Strategi Bukan Linguistik	16	53.33%	76%	Tinggi
		25	83.33%		
		23	76.67%		
		22	73.33%		
		28	93.33%		

#### **4.5 KESIMPULAN**

Bab ini berfokus kepada analisis data daripada dua sumber iaitu (a) soal seildik, (b) aktiviti lisan. Bab ini memaparkan keputusan penganalisaan data bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian dan mencapai objektif iaitu (a) mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar LIPIA di Jakarta, (b) mengenalpasti strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab dan (c) mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Dapatan soal selidik dan dapatan aktiviti lisan kedua-dua golongan pelajar menunjukkan responden menggunakan strategi komunikasi ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Namun begitu pengkaji berpendapat bahawa keupayaan perbendaharaan kata subjek masih lemah mungkin atas faktor itulah tahap persepsi pelajar terhadap penggunaan strategi komunikasi berada pada tahap yang tinggi.

Seterusnya hasil dapatan kajian ini akan dibincangkan dan disimpulkan dalam bab seterusnya.